

**6****BAB**

CABARAN MEMBANGUNKAN KEUSAHAWANAN ISLAM

Falsafah ekonomi Islam ditegakkan berdasarkan pegangan ajaran agama terhadap kehidupan, manusia dan Allah SWT. Usahawan adalah asas dalam masyarakat manakala kewujudan dan perannya yang bersifat holistik adalah sangat dominan serta signifikan terhadap proses pembangunan individu, masyarakat dan negara. Menurut 'Abd al-Sami' al-Misri (1986), Islam menganggap aktiviti keusahawanan bukan hanya sebagai jalan memudahkan pertukaran pelbagai barang keperluan, malahan ia juga sebagai suatu khidmat kepada masyarakat Islam seluruhnya. Berdasarkan perbincangan dalam bab-bab sebelum ini, cabaran kepada umat Islam adalah bukan sahaja membangunkan budaya keusahawanan sebagai sebahagian daripada usaha mereka untuk memenuhi keperluan pengguna, memperbaiki kedudukan kebendaannya, tetapi juga untuk meningkatkan kedudukan akhlaknya sebagai asas pencapaian matlamatnya (kebahagiaan hidup) di akhirat.

Para sarjana sama ada dari Timur antaranya seperti Abulhassan Muhammad Sadeq (1999), Md. Nazrul Islam (1998), 'Abd al-Sami' al-Misri (1986), atau Barat (Forsyth, 2005; McGrath & MacMillan, 2000) telah bersepakat bahawa ciri asas personaliti usahawan yang berjaya adalah bersifat universal yang merentasi ras, budaya, mahupun batasan geografi. Antara ciri tersebut adalah berkeyakinan, ghairah mengejar peluang baharu, kuat berusaha, berani mencuba, memiliki disiplin yang kuat, bermotivasi, dinamik dan berkepimpinan, berkeinginan kepada autonomi, optimis, fokus dalam pelaksanaan, hanya mengambil peluang yang terbaik, sentiasa mengelak risiko, membina rangkaian perhubungan dengan orang yang dalam bidang yang sama, setiakawan, memainkan peranan utama dalam

pertumbuhan ekonomi melalui inovasi dan kreativiti, mudah memahami, berkemahiran mengurus di dalam sebuah organisasi yang kompleks, berpengetahuan mengenai produk, pasaran dan teknologi, berkemampuan untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat serta responsif terhadap cadangan dan bersifat kritikal. Namun, apabila personaliti atau aktiviti usahawan ini dikaitkan dengan Islam, segala pemikiran, tingkah laku dan proses tersebut perlu dilakukan secara holistik berdasarkan petunjuk Islam. Justeru, definisi konsep personaliti usahawan Islam bukan sekadar mengandungi ciri-ciri yang telah dinyatakan di atas, malah ia turut menekankan kesepaduannya dengan pelbagai perintah dan larangan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam.

Dalam erti kata lain, aktiviti komersil ini bukan sahaja dilihat sebagai perniagaan sesama manusia sahaja, malahan aktiviti tersebut juga termasuk dalam sebahagian daripada aktiviti perniagaan mereka dengan Allah SWT di muka bumi ini. Perniagaan tersebut akan dibentangkan semula di akhirat kelak untuk dipertanggungjawabkan atas segala perkara yang mereka lakukan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu: mudah digunakan, maka berjalanlah di merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah), kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmat-Nya dan takutilah kemurkaan-Nya).”

(al-Mulk :15)

Maksud berjalan di merata-rata ceruk rantaunya adalah berjalan ke seluruh penjuru atau ke mana-mana sahaja di seluruh kawasan yang ada di atas muka bumi ini bagi mendapatkan rezeki-Nya melalui berusaha, bekerja dan tekun secara berterusan. Namun, manusia akan dibangkitkan semula selepas kematiannya untuk disoal kembali atas apa yang telah dilakukan dan diberikan pembalasan yang setimpal. Dalam erti kata lain, mereka perlu bertanggungjawab